

- 1 Apakah yang dimaksudkan dengan aktiviti perniagaan?
 - A Aktiviti mengawal harga barang
 - B Aktiviti menghasilkan barang dan perkhidmatan
 - C Aktiviti melibatkan urusan jua beli barang dan perkhidmatan
 - D Aktiviti mengagih barang kepada pengguna akhir

- 2 Apakah ciri perniagaan perkongsian?
 - A Modal daripada simpanan sendiri
 - B Ahli 2-50 orang
 - C Membayar cukai syarikat
 - D Liabiliti tidak terhad

- 3 Perniagaan Ahmad Travel and Tours menjalankan perniagaan di Bandar Kulai. Apakah pengkelasan perniagaan tersebut?
 - A Sektor Pertama
 - B Sektor Utama
 - C Sektor Sekunder
 - D Sektor Tertier

- 4 Food Truck En Khalid menjalan perniagaan di tiga buah daerah di Selangor. Apakah skala perniagaan beliau?
 - A Negeri
 - B Tempatan
 - C Kebangsaan
 - D Zon

- 5 Pada tahun 90-an apakah perkembangan sektor perniagaan di Malaysia?
- A Pelancongan
 - B Perkhidmatan
 - C Perkilangan
 - D Pertanian
- 6 Mengapakah kerajaan melaksanakan dasar fiskal untuk mengawal ekonomi?
- A Meningkatkan pendapatan penduduk
 - B Memperkukuh kedudukan ekonomi
 - C Meningkatkan eksport dan import
 - D Mengurangkan aliran masuk mata wang asing
- 7 Pernyataan berkaitan perubahan dalam perniagaan.

Pemantauan akaun syarikat amat penting dalam memastikan syarikat berdaya saing dengan pesaing lain

Manakah faktor perubahan perniagaan berkaitan pernyataan di atas?

- A Penyata kewangan
 - B Percukaian
 - C Undang-undang
 - D Kewangan
- 8 Antara berikut manakah ciri misi perniagaan yang betul?
- A Pernyataan aktiviti syarikat
 - B Pernyataan umum syarikat
 - C Pernyataan spesifik perniagaan
 - D Pernyataan hala tuju perniagaan

9 Manakah visi syarikat OBBU dalam menjalankan perniagaan?

- A Pendaftaran di SSM
- B Memanfaatkan sumber perniagaan
- C Memberitahu kewujudan kelab penjagaan haiwan terpusus
- D Membina perniagaan baharu

10 Maklumat berikut berkaitan objektif sebuah syarikat.

Syarikat perabot Ali menggunakan carta Gantt untuk merancang pengeluaran perabot

Apakah ciri objektif yang dicapai syarikat berkenaan?

- A Spesifik
- B Boleh capai
- C Jangka masa
- D Boleh ukur

11 Pernyataan dibawah berkaitan perancangan strategik sesebuah organisasi.

Terbahagi kepada dua kategori aktiviti iaitu jangka pendek dan jangka panjang.
Dibentuk oleh pihak pengurusan OBU dan OBBU

Apakah konsep perancangan strategik berkenaan?

- A Visi
- B Misi
- C Objektif
- D Piagam pelanggan

12 Maklumat dibawah berkaitan dengan sebuah perniagaan.

Syarikat Jakil Sdn. Bhd menyasarkan pengeluaran sebanyak 200 000 botol sos cili pada tahun 2019. Pada hujung tahun pengeluaran adalah 210 000.

Apakah tujuan penetapan objektif Syarikat Jakil Sdn. Bhd di atas?

- A Menyatakan maklumat secara spesifik
- B Memastikan target boleh dicapai
- C Mengukur jangka masa pengeluaran
- D Mengukur kemampuan pekerja

13 Mengapakah perubahan misi penting untuk sesebuah organisasi?

- I Membantu mencapai matlamat organisasi
- II Sebagai garis panduan fungsian operasi
- III Menambah cawangan baharu perniagaan
- IV Membantu meningkatkan imej syarikat

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

14 Kegagalan mencapai untung akan menjejaskan imej perniagaan. Apakah kesannya?

- A Sukar mendapat pembiayaan bank
- B Terpaksa membayar tunai kepada pembekal
- C Pengguna tidak membeli produk
- D Sukar mendapat bekalan bahan mentah

- 15 Apakah faktor perubahan visi syarikat apabila pelaburan oleh pelabur berubah ?
- A Titik pulang modal
 - B Syer pasaran
 - C Kewangan
 - D Teknologi
- 16 Kepelbagaian kaum di Malaysia mempengaruhi perubahan visi syarikat. Apakah faktor tersebut?
- A Sosiobudaya
 - B Kaum
 - C Undang-undang
 - D Ekologi
- 17 Fungsian manakah yang berperanan memilih pembekal dan memastikan produk diterima tepat waktunya?
- A Pengeluaran
 - B Pemasaran
 - C Pembelian
 - D Pengagihan
- 18 Fungsian manakah yang berperanan meningkatkan kualiti dan mereka cipta produk baharu?
- A Pemasaran
 - B Pembangunan dan Penyelidikan
 - C Pengeluaran
 - D Jualan

19 Mengapakah syarikat Shopee dan Lazada menggunakan teknologi maklumat dalam perniagaan?


- I Membuat insurans kepada harta fizikal
- II Menilai hakcipta terpelihara
- III Membuat pemasaran dalam talian
- IV Menilai segera permintaan pengguna

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

20 Apakah interaksi antara fungsian pengeluaran dan pembelian?

- A Menilai keperluan kewangan fungsian
- B Merancang pembelian bahan mentah untuk pengeluaran
- C Membentuk rekacipta baharu
- D Merancang sumber kewangan setiap fungsian

21. Rajah di bawah berkaitan dengan satu struktur organisasi dalam perniagaan.



Apakah signifikan pembentukan struktur organisasi tersebut?

- A. Diwujudkan berdasarkan keperluan pelanggan
- B. Diwujudkan berdasarkan kawasan pasaran
- C. Diwujudkan bagi memudahkan pengurusan operasi produk
- D. Diwujudkan berdasarkan fungsi utama dalam organisasi

22. Antara yang berikut, aspek manakah mampu meningkatkan kecekapan pengelolaan sumber manusia dalam pembangunan perniagaan?

- I Mengagihkan tugas mengikut kebolehan
- II Menyediakan kemudahan untuk pekerja
- III Menjalankan program motivasi
- IV Mewujudkan hubungan yang harmonis

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan IV
- D. III dan IV

23. Pernyataan berikut merupakan prosedur pengurusan yang diperlukan dalam operasi sesebuah perniagaan.

- Perlindungan insurans dan keselamatan
- Penyelenggaraan dan baik pulih secara terancang

Prosedur pengurusan tersebut melibatkan prosedur pengurusan sumber

- A. fizikal
- B. manusia
- C. teknologi
- D. pembiayaan

24. Antara yang berikut, yang manakah sumber teknologi dalam operasi sesebuah perniagaan?

- I Tepung gandum
 - II Mesin cetak
 - III Perisian komputer
 - IV Karya seni
- A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. II dan III
 - D. III dan IV

25. Perusahaan Otomobil Nasional Sendirian Berhad (PROTON) merupakan syarikat yang mempunyai pengurusan sumber fizikal dan teknologi yang kukuh.



[Lihat halaman sebelah
SULIT

Yang manakah **tidak berkaitan** dengan pengurusan sumber fizikal dan sumber teknologi bagi syarikat PROTON ?

- A. Peralatan teknologi dan komunikasi
- B. Lesen Perisian
- C. Kemahiran dan Pengalaman
- D. Harta intelek

26. Yang manakah antara berikut **bukan** sebahagian daripada sumber pembiayaan dalaman?

- A. Rizab
- B. Modal permulaan
- C. Simpanan peribadi
- D. Modal daripada keuntungan

27. Berikut merupakan huraian sumber pembiayaan bagi dua jenis sumber pembiayaan.

R	Peniaga memindahkan tugas pengutipan hutang daripada pelanggan kepada pihak lain
S	Kemudahan yang membolehkan pemegang akaun semasa mengeluarkan wang melebihi jumlah simpanan dalam akaun semasa mereka


Apakah **R** dan **S**?

	R	S
A	Syer	Pajakan
B	Pemfaktoran	Pajakan
C	Pemfaktoran	Overdraf
D	Syer	Overdraf

[Lihat halaman sebelah

SULIT

28. Maklumat berikut berkaitan penyata kewangan.



Apakah **M**?

- A. Ekuiti pemilik
- B. Liabiliti bukan semasa
- C. Aset semasa
- D. Aset bukan semasa

29. Berikut adalah maklumat perniagaan Kalimuthu?

Aset semasa dan liabiliti semasa perniagaan dapat menilai kecekapan perniagaan membayar hutangnya.

Apakah nisbah asas yang dapat menilai keupayaan perniagaan tersebut?

- A. Nisbah semasa
- B. Pusing ganti stok
- C. Pusing ganti aset
- D. Margin untung kasar

30. Maklumat berikut berkaitan dengan kegunaan analisis nisbah.

Harga jualan Syampu El-Fateh diperolehi dengan menambahkan 25 % dari harga kosnya

Antara yang berikut, analisis nisbah manakah yang sesuai digunakan bagi mendapatkan keputusan perniagaan tersebut?

- A. Peratus margin untung kasar
- B. Peratus margin untung bersih
- C. Peratus untung tokokan
- D. Peratus pulangan atas modal

31. Maklumat berikut berkaitan dengan satu nilai nisbah kecairan yang telah diperolehi.

Nisbah Semasa

25 : 1

Apakah yang dimaksudkan dengan nilai tersebut?

- A. Setiap RM 1 jualan bersih, perniagaan telah memperoleh sebanyak RM 25 keuntungan kasar
- B. Setiap RM 1 jualan bersih, perniagaan telah memperoleh sebanyak RM 25 keuntungan bersih
- C. Setiap RM 1 modal yang dilaburkan, perniagaan telah memperoleh sebanyak RM 25 keuntungan bersih
- D. Setiap RM1 liabiliti semasa, perniagaan memiliki aset sebanyak RM 25 untuk menjelaskannya

32. Manakah huraian yang berkaitan dengan aspek Produk (*product*) dalam campuran pemasaran bagi memulakan sesuatu perniagaan ?

- A. Memastikan perniagaan memperoleh keuntungan
- B. Menyedarkan pengguna akan kewujudan barang
- C. Membolehkan barang mampu berdaya saing
- D. Membolehkan output diperoleh pengguna

33. Antara yang berikut yang manakah **bukan** satu kelebihan berniaga sebagai satu peluang kerjaya dari aspek keberuntungan perniagaan ?

- A. Memantapkan imej perniagaan
- B. Melaksanakan tanggungjawab sosial
- C. Memberi kepuasan diri
- D. Meluaskan pasaran

34. Maklumat berikut berkaitan dengan proses penubuhan perniagaan.

Perniagaan yang meliputi tiap-tiap bentuk tred, perdagangan, pertukangan, pekerjaan, profesion atau apa-apa aktiviti yang bermatlamatkan keuntungan adalah perlu didaftarkan

Antara yang berikut, akta manakah yang sesuai dengan pernyataan di atas?

- A. Akta Francais 1998 (pindaan 2012)
- B. Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012
- C. Akta Syarikat 2016
- D. Akta Pendaftaran Perniagaan 1956

35. Antara yang berikut yang manakah **bukan** satu tanggungjawab yang perlu dipatuhi usahawan setelah perniagaan didaftarkan ?

- A. Mempamerkan lesen perniagaan
- B. Mempamerkan papan tanda perniagaan
- C. Memastikan nama perniagaan tertera pada dokumen perniagaan
- D. Mendaftarkan perubahan maklumat perniagaan dalam tempoh seminggu

36. Pilih pasangan yang betul.

	Dokumen	Keterangan
A	Penyata transaksi bank	Dokumen yang mengandungi catatan kos operasi perniagaan.
B	Rekod jualan	Catatan ambilan oleh pemilik untuk kegunaan sendiri.
C	Rekod kos operasi	Catatan aktiviti pembelian barang niaga.
D	Rekod pembelian	Dokumen yang mencatat semua rekod belian oleh perniagaan.

37. Maklumat berikut diambil daripada penyata aliran tunai Pn Soffiah Salsabila yang bercadang memulakan ternakan burung puyuh pada Januari 2021.

	RM
Modal:	
Tunai di tangan	150 000
Peralatan	120 000
Penerimaan	275 000
Pembayaran	183 000

Berapakah baki akhir bulan Januari 2021?

- A. RM 192 000
- B. RM 222 000
- C. RM 242 000
- D. RM 262 000

38. Dokumen berikut merupakan format penyata aliran tunai.

Butik Tudung FatinRidzwan

Penyata Aliran Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Dis 2020

Butiran	Okt	Nov	Dis
Baki b/b			
<u>Terimaan</u>			
A			
<u>Bayaran</u>			
Z			

Apakah contoh item bagi **A** dan **Z**?

	A	Z
A	Modal	Perbelanjaan sewa
B	Jualan Tunai	Komisen diterima
C	Belian Tunai	Modal
D	Gaji	Belanja utiliti

39. Manakah antara butiran yang terdapat dalam penyata aliran tunai?

- A. Ekuiti pemilik
- B. Modal
- C. Belain stok secara tunai
- D. Aset bukan semasa

40. Manakah antara berikut yang **tidak** terkandung di dalam ringkasan eksekutif rancangan perniagaan ?

- A. Nama perniagaan
- B. Kegiatan utama perniagaan
- C. Spesifikasi tugas pekerja
- D. Maklumat pemilik

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT